



**JABATAN KESIHATAN NEGERI  
PULAU PINANG**

Jalan Resideni  
10450 Pulau Pinang  
MALAYSIA

Tel. : 604 – 262 5533  
Faks : 604 – 2555 200 (PENGURUSAN)  
604 – 2555 300 (PERUBATAN)  
604 – 262 1372 (KESIHATAN AWAM)  
604 – 261 2389 (KES. & KUALITI MAKANAN)  
604 – 229 2386 (PERGIGIAN)  
604 – 228 0314 (FARMASI)  
Laman Web : <http://jknpenang.moh.gov.my>  
E-mel : [jknpenang@moh.gov.my](mailto:jknpenang@moh.gov.my)

Ruj. Kami : ( 13 ) dlm.PPK/0932/36  
Tarikh : 16 Disember 2024

**SEPERTI SENARAI EDARAN**

Y.Bhg. Dato/Dr/Tuan /Puan,

**ALERT : PENINGKATAN KES JANGKITAN PENYAKIT TANGAN, KAKI DAN MULUT (HFMD)  
DI NEGERI PULAU PINANG**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk..

2. Untuk makluman YBhg. Dato/Datin/Dr/Tuan/Puan, negeri Pulau Pinang telah menunjukkan peningkatan kes Penyakit Tangan, Kaki Dan Mulut (HFMD) sejak kebelakangan ini. Berdasarkan analisa situasi, tren kes HFMD telah melepasi paras *alert level* sejak Minggu Epid (ME) 45 dan melebihi *action threshold* pada ME 49 (seperti di Lampiran 1).

3. Kejadian wabak HFMD juga telah menunjukkan peningkatan di negeri Pulau Pinang sejak ME 49, dan kes dijangka akan terus meningkat. Sehubungan dengan itu, bagi menangani peningkatan jangkitan HFMD di negeri Pulau Pinang, Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang telah menggariskan langkah-langkah yang perlu diambil tindakan segera di daerah sebagaimana di Lampiran 2.

4. Kerjasama dan perhatian dalam hal ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(DATO' DR. FAZILAH BINTI SHAIK ALLAUDIN)

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang

s.k. : - Fail

### **SENARAI EDARAN DALAMAN**

1. Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Kesihatan Awam)
2. Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Perubatan)
3. Ketua Penolong Pengarah Kanan (Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta)
4. Ketua Penolong Pengarah Kanan (Kawalan Penyakit Berjangkit)
5. Ketua Penolong Pengarah Kanan (Survelan)
6. Ketua Penolong Pengarah Kanan (Promosi Kesihatan Negeri)
7. Ketua Penolong Pengarah (Kawalan Penyakit Berjangkit)
8. Ketua Penolong Pengarah (Survelan)
9. Ketua Penyelia Jururawat Negeri Pulau Pinang
10. Ketua Penyelia Jururawat Negeri (Kesihatan Awam)
11. Penolong Pengarah Kanan (Kawalan Penyakit Berjangkit)
12. Penolong Pengawai Kesihatan Persekitaran (Kanan) (Kawalan Penyakit Berjangkit)

### **SENARAI EDARAN LUARAN**

1. Pengarah Hospital Pulau Pinang
2. Pengarah Hospital Seberang Jaya
3. Pengarah Hospital Bukit Mertajam
4. Pengarah Hospital Kepala Batas
5. Pengarah Hospital Balik Pulau
6. Pengarah Hospital Sungai Bakap
7. Pegawai Kesihatan Daerah Timur Laut
8. Pegawai Kesihatan Daerah Barat Daya
9. Pegawai Kesihatan Daerah Seberang Perai Utara
10. Pegawai Kesihatan Daerah Seberang Perai Tengah
11. Pegawai Kesihatan Daerah Seberang Perai Selatan
12. Pegawai Kesihatan Pejabat Kesihatan Pintu Masuk Antarabangsa
13. Chairman  
MMA ( Penang Branch )  
Gleneagles Penang,  
1 Jalan Pangkor  
10050 Georgetown Pulau Pinang
14. Chairman  
The Penang Medical Practitioners' Society  
Gleneagles Penang,  
1 Jalan Pangkor  
10050 Georgetown Pulau Pinang


15. Pengarah/ Pengurus  
Pusat Sejahtera (Pusat Kesihatan dan Pergigian)  
Universiti Sains Malaysia  
11800 Pulau Pinang
16. CEO/ Director  
Pantai Mutiara Hospital,  
No. 82, Jalan Tengah, 11900 Bayan Baru,  
Pulau Pinang
17. CEO/ Director  
Bagan Specialist Centre,  
Jalan Bagan 1, Taman Bagan, 13400 Butterworth,  
Pulau Pinang
18. CEO /Director  
KPJ Penang Specialist Hospital  
570, Jalan Perda Utama ,  
Bandar Baru Perda,  
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang
19. CEO/ Director  
Gleneagles Medical Centre Penang,  
No. 1, Jalan Pangkor, 10050 Georgetown  
Pulau Pinang
20. CEO/ Director  
Island Hospital  
No. 308, Jalan Macalister, 10450 Georgetown,  
Pulau Pinang.
21. CEO/ Director  
Loh Guan Lye Specialist Centre,  
19 & 21, Logan Road, 10400 Georgetown,  
Pulau Pinang
22. CEO / Director  
Penang Adventist Hospital  
465, Jalan Burma, 10350 Georgetown,  
Pulau Pinang
23. CEO / Director  
Hope Children Hospital  
25 B-D, Jalan Gottlieb, 10350  
Pulau Pinang
24. CEO / Director  
Hospital Lam Wah Ee  
141, Jalan Tan Sri Teh Ewe Lim,  
11600 Georgetown,  
Pulau Pinang.

25. CEO / Director  
Pusat Pakar Public  
No. 142 T, U, V, X, Y & Z, Jalan Burma, 10050  
Pulau Pinang.
26. CEO / Director  
Peace Medical Centre  
No 81, Lorong Selamat 10400, Georgetown  
Pulau Pinang.
27. Ceo / Director  
Sunway Medical Centre Penang  
3106, Lebuhr Tenggiri 2 Seberang Jaya, 13700 Perai,  
Pulau Pinang
28. Pengarah  
Pusat Perubatan USM,  
Bandar Putra Bertam, 13200 Kepala Batas,  
Pulau Pinang

LAMPIRAN 1

SITUASI SEMASA JANGKITAN HFMD DI PULAU PINANG  
7 Disember 2024

Sehingga ME49/2024 sebanyak 3541 kes HFMD telah didaftarkan di negeri Pulau Pinang, dimana 166 kes telah didaftarkan pada ME48/2024 dan 264 kes pada ME49/2024.




Rajah 1: Tren pelaporan kes HFMD beserta garisan *Median*, *Alert Level* dan *Action Level* bagi tahun 2023 hingga 2024 sehingga ME49 di Pulau Pinang

Ringkasan kes HFMD bagi tahun 2024 (sehingga ME49/2024)

- Keseluruhan 3541 kes HFMD telah didaftarkan pada tahun 2024 melibatkan kesemua 5 daerah.
- Jumlah wabak HFMD yang dilaporkan sehingga ME 49/2023 adalah sebanyak 60 wabak yang melibatkan pecahan tertinggi adalah di daerah Seberang Perai Tengah 20 (33.4%), diikuti oleh Timur Laut 18 (30%), Seberang Perai Selatan 11 (18.3%), Seberang Perai Utara 8 (13.3%) dan Barat Daya 3 (5%) mencatatkan wabak terendah.
- Tiga pecahan wabak mengikut premis yang tertinggi adalah melibatkan kategori premis seperti Tadika 32 (53.4%) diikuti sekolah 9 (15%) dan ketiga tertinggi adalah melibatkan Tabika 7 (11.4%).
- Sejumlah 3343 (94.4 %) kes HFMD dirawat sebagai pesakit luar dan seramai 198 (5.6%) telah dimasukkan ke wad. Tiada kematian melibatkan HFMD dilaporkan pada tahun 2024.
- Sehingga ME 49/2024 sebanyak 87 sampel sentinel telah diambil melibatkan 2 buah klinik iaitu KK Bayan Baru (BD) dan KK Bandar Tasek Mutiara (SPS). Pecahan

bagi sampel yang didapati positif adalah sebanyak 19 sampel dirujuk melalui rajah 2:



Rajah 2: Keputusan Sampel Survelan HFMD di Negeri Pulau Pinang.

LAMPIRAN 2

**STRATEGI KAWALAN JANGKITAN HFMD  
 JABATAN KESIHATAN NEGERI PULAU PINANG 2024**

Bil	Perkara	Tindakan
1.0	<b>SURVELAN HFMD</b>	
1.1	Semua fasiliti kesihatan perlu <b>menotifikasi</b> semua kes yang memenuhi kriteria klinikal HFMD <b>dalam masa 24 jam</b> daripada tarikh diagnosis.	Klinik Kesihatan Hospital Pengamal Perubatan Swasta
1.2	Semua kes perlu <b>didaftar didalam e-notis dalam masa 48 jam</b> dari tarikh input notifikasi.	Pejabat Kesihatan Daerah
1.3	<b>Analisa dan pemantauan HFMD</b> perlu dijalankan secara <b>mingguan</b> mengikut minggu Epid. Sekiranya telah melepasi <i>alert</i> dan <i>action line</i> , tindakan bersesuaian perlu dilakukan.	Pejabat Kesihatan Daerah
2.0	<b>PENGESANAN KES, KAWALAN DAN PENCEGAHAN</b>	
2.1	Sekurang-kurangnya satu <b>CME</b> dilakukan di <b>setiap fasiliti kesihatan</b> berkaitan pengesanan dan pengurusan kes HFMD.	Klinik Kesihatan Hospital Pengamal Perubatan Swasta Pejabat Kesihatan Daerah
2.2	<b>Semua</b> kes HFMD perlu dilakukan <b>siasatan terperinci untuk mengenalpasti punca jangkitan</b> dan pengesanan awal wabak terutama melibatkan kes: <ul style="list-style-type: none"> <li>a. <i>Severe</i> (kes yang dimasukkan ke wad)</li> <li>b. Kematian</li> <li>c. Kanak-kanak berumur <math>\leq 6</math> tahun dan menghadiri taska/tadika</li> <li>d. Disahkan positif <i>Enterovirus 71</i></li> </ul> Maklumat perlu dikemaskini ke dalam e-notis	Pejabat Kesihatan Daerah
2.3	Pengesanan kes secara aktif ( <b>ACD</b> ) perlu dilakukan jika ada <b>potensi wabak</b> terutama melibatkan institusi pendidikan	Pejabat Kesihatan Daerah

2.4	<b>Pengabaian kes perlu disemak</b> oleh Pegawai Kesihatan/ Perubatan Epidemiologi.	Pejabat Kesihatan Daerah
2.5	Semua fasiliti kesihatan kerajaan dan swasta perlu menyediakan kemudahan <b>hand sanitizer</b> yang mencukupi bagi kegunaan pesakit dan ibubapa/penjaga yang <b>hadir ke klinik</b> untuk mendapatkan rawatan (khususnya bagi fasiliti yang mempunyai <b>kawasan permainan khas</b> untuk kanak-kanak) serta menjalankan pembersihan peralatan secara berkala.	Klinik Kesihatan Hospital Pengamal Perubatan Swasta Pejabat Kesihatan Daerah
3.0	<b>PENGAMBILAN SAMPEL KLINIKAL</b>	
3.1	<p>A. Sampel klinikal bagi tujuan <b>diagnostik perlu diambil</b> bagi kes berikut:</p> <p>i. <b>Wabak / Kluster</b> – 10% dari wabak / tidak melebihi 5 sampel</p> <p>ii. Kes <b>severe (dimasukkan ke hospital)</b></p> <p>B. Sampel klinikal bagi tujuan <b>survelan perlu diambil</b> di klinik-klinik sentinel yang telah dikenalpasti.</p> <p>Fasiliti perlu menyatakan dalam e-notis jika sampel diambil dan menyatakan tujuan persampelan dengan jelas dalam borang permohonan</p>	<p>Klinik Kesihatan Hospital Pengamal Perubatan Swasta Pejabat Kesihatan Daerah</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Klinik Sentinel HFMD Klinik Kesihatan Bayan Baru</li> <li>• Klinik Kesihatan Bandar Tasek Mutiara</li> </ul>
3.2	<p>Klinik sentinel yang terlibat dalam aktiviti Survelan Makmal HFMD perlu menghantar sampel ke MKA Ipoh sebanyak <b>5 sampel/bulan/klinik</b></p> <p><b>Reten</b> bulanan penghantaran <b>sampel sentinel perlu dihantar ke CDC/Survelan JKNPP</b> di alamat emel <b>epid_penang@moh.gov.my</b> sebelum 5hb pada bulan berikutnya</p>	<p>Klinik Kesihatan Bayan Baru  Klinik Kesihatan Bandar Tasek Mutiara</p>



4.0	<b>PEMERKASAAN KOMUNITI</b>	
4.1	<p>Memaklumkan kepada <b>taska/tadika/sekolah</b> (terutama premis dengan kes berulang) untuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Meningkatkan aktiviti saringan melalui '<b>gate keeping</b>' untuk memastikan kanak-kanak yang bergejala <b>tidak dibenarkan masuk</b> ke institusi dan dirujuk untuk mendapatkan rawatan awal.</li> <li>• Mewujudkan <b>sudut/bilik isolasi</b> bagi mengasingkan kanak-kanak yang bergejala sebelum diambil oleh ibu bapa.</li> <li>• Meningkatkan tahap kebersihan seperti <b>pencucian tangan sebelum dan selepas menukar lampin</b> atau selepas sentuhan dengan kanak-kanak yang bergejala bagi mengelakkan perebakan penyakit.</li> </ul>	Pejabat Kesihatan Daerah
4.2	<p>Meningkatkan <b>aktiviti pendidikan kesihatan dikalangan ibubapa/penjaga</b> melalui pelbagai medium untuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mendapatkan rawatan awal jika bergejala</li> <li>• Tidak menghantar anak/jagaan ke taska/tadika jika bergejala (ibubapa/penjaga boleh memohon cuti kuarantin)</li> <li>• Meningkatkan tahap kebersihan seperti kerap mencuci tangan terutama jika mengunjungi tempat tumpuan awam</li> </ul>	<p>Cawangan Promosi Kesihatan Negeri</p> <p>Unit Promosi Kesihatan Daerah</p>
4.3	<p>Memperluaskan <b>promosi kesihatan ke tempat-tempat tumpuan awam</b> seperti pusat membeli belah dan taman permainan untuk melakukan aktiviti <b>pembersihan/disinfeksi secara berkala</b></p>	<p>Cawangan Promosi Kesihatan Negeri</p> <p>Unit Promosi Kesihatan Daerah</p>

# 1/2

## PENYAKIT TANGAN KAKI DAN MULUT (HFMD)

### TERUSKAN BERWASPADA



**JANGKITAN**

Disebabkan oleh Enterovirus iaitu majoritinya *Coxsackie Virus A16 (CA16)* dan *Enterovirus 71 (EV 71)*

Kontak secara langsung melalui lelehan hingus, air liur, najis & cecair lepuh dari orang yang dijangkiti

Kebiasaannya, menjangkiti kanak-kanak berumur 5 tahun ke bawah TETAPI orang dewasa juga boleh dijangkiti



Kementerian Kesihatan Malaysia



Agenda Nasional Malaysia Sihat



myhealthkkm




**TANDA GEJALA**

- Demam
- Sakit kepala
- Hilang selera makan
- Ulser pada tekak, mulut & lidah
- Ruam dengan lepuh pada tangan, kaki & kawasan lampin



**KOMPLIKASI**

- Dehidrasi
- Jangkitan kuman pada otak dan selaputnya
- Keradangan otot jantung
- Masalah penglihatan atau buta
- Kematian

**PENCEGAHAN**

- Penjagaan kebersihan diri
- Amalan cuci tangan yang betul
- Penjagaan kebersihan persekitaran
- Saringan gejala di pintu masuk taska, tadika, tabika, pra-sekolah dan sekolah
- Jika anak bergejala, ibu bapa wajib mengamalkan langkah-langkah pencegahan dan pastikan anak terus kekal berada di rumah



Terbitan: 22/4/2022

Langkah Mencegah

# PENYAKIT TANGAN, KAKI, DAN MULUT

Hand, Foot and Mouth Disease (HFMD)

SARINGAN HFMD DI PINTU MASUK

Guru di taska, tadika, tabika, pra-sekolah & sekolah rendah

- 1** Buat saringan gejala HFMD di pintu masuk premis (*gate-keeping screening*)
  - Setiap pagi sebelum masuk premis
  - Bersama ibu / bapa/ penjaga
- 2** Tanya gejala HFMD
  - Ada demam?
  - Ada ruam atau lepuh di tangan, kaki dan punggung?
  - Ada ulser dalam mulut?
    - Atau boleh makan atau minum? (Soalan tidak langsung untuk ulser dalam mulut)

Sekiranya ada gejala:

- **TIDAK DIBENARKAN** masuk menghadiri sesi
- Minta ibu / bapa / penjaga bawa ke **KLINIK**



## PENYAKIT TANGAN KAKI DAN MULUT (HFMD) 2/2

### PERANAN IBU BAPA



1. Peka kepada sebarang perubahan dan dapatkan nasihat doktor
  - Letih dan lesu
  - Tidak mahu minum atau makan
  - Muntah berterusan
2. Jika bergejala, pastikan anak terus kekal berada di rumah
3. Cuci tangan dengan betul menggunakan sabun dan air bersih selepas menguruskan anak
4. Cuci alatan dan permainan anak dengan sabun dan air bersih
5. Tidak berkongsi peralatan makan dan minum serta barangan peribadi antara anak-anak
6. Kerap bersihkan lantai rumah dan tandas
7. Buang lampin pakai buang dalam tong sampah bertutup

Terbitan: 22/4/2022



## PENYAKIT TANGAN, KAKI & MULUT (HFMD) 2/2

### PENCEGAHAN DAN KAWALAN

#### 7 Langkah Cuci Tangan Dengan Betul

1. Basahkan tangan, letak sabun dan ratakan
2. Gosok tapak tangan
3. Gosok setiap jari dan celah jari
4. Gosok kuku di tapak tangan
5. Gosok belakang tangan
6. Bilas tangan dengan air bersih
7. Keringkan dengan tuala atau tisu yang bersih

Tarikh Kemaskini: 26 April 2022



**SENARAI LIAISON OFFICER PENYAKIT TANGAN, KAKI DAN MULUT (HFMD)  
 JABATAN KESIHATAN NEGERI PULAU PINANG**

<b>PEJABAT KESIHATAN DAERAH (PKD)</b>	<b>NO. TELEFON</b>	<b>EMAIL</b>
PKD Timur Laut Jalan Perak 11600 Pulau Pinang  (U/P: <b>En. Suresh A/L Gunasagaran</b> )	019-4778501	cdcpkdtl.ppg@moh.gov.my
PKD Barat Daya 2761, Jalan Air Putih 11000 Balik Pulau Pulau Pinang  (U/P: <b>En. Mohd Zulfikar Bin Jamaluddin</b> )	04-8661194	cdcpkdbd@gmail.com
PKD Seberang Perai Utara Aras 1, Wisma Persekutuan Jalan Bertam 2, Bertam 13200 Kepala Batas Pulau Pinang  (U/P: <b>En. Mohd Sharmizam Bin Ishak</b> )	04-5751833	ukpbspu@gmail.com
PKD Seberang Perai Tengah Lot 89, Mukim 17, Berapit 14000 Bukit Mertajam Pulau Pinang  (U/P: <b>En. Muhamad Shahril Bin Hashim</b> )	04-5397884	cdcspt@yahoo.com
PKD Seberang Perai Selatan Jalan Bukit Panchor 14300 Nibong Tebal Pulau Pinang  (U/P: <b>En. Azizul Bin Aziz</b> )	04-5941387	cdcsps2016@gmail.com
Cawangan Kawalan Penyakit Berjangkit Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang Tingkat 37, KOMTAR 10590 GeorgeTown Pulau Pinang  (U/P: <b>Dr. Navindra Kumar Sondaram</b> )	04-2625533  (samb. 287)	epid_penang@moh.gov.my / drnavindra@moh.gov.my